

IHPR harga barang di pintu kilang turun

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia yang mengukur harga barangan di pintu kilang, turun 2.3 peratus pada Julai 2023 berbanding -4.8 peratus pada Jun 2023, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata sektor perlombongan turun sebanyak 10.8 peratus bulan lalu, disebabkan oleh penguncupan sebanyak 14.8 peratus indeks pengestrakan petroleum mentah.

Beliau berkata, sektor pembuatan pula turun sebanyak -2.1 peratus, disebabkan oleh indeks pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-11.7 peratus) dan pembuatan produk makanan (-8.9 peratus).

"Sementara itu, sektor pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan kenaikan pertama pada

2023, apabila meningkat 3.6 peratus selepas penurunan dua digit -20.4 peratus pada Jun 2023.

"Peningkatan ini disebabkan oleh indeks pengeluaran ternakan (6.8 peratus) dan penanaman tanaman kekal (1.2 peratus). Bagi sektor utiliti, indeks bekalan air dan bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat 3.1 peratus dan 0.1 peratus," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Uzir menambah, pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan meningkat perlahan 0.2 peratus pada Julai 2023.

Beliau berkata, sektor perlombongan meningkat 3.1 peratus disebabkan oleh indeks pengestrakan petroleum mentah (4.2 peratus).

Sektor pertanian, perhutanan & perikanan pula, katanya meningkat satu peratus dengan indeks penanaman tanaman ke-

kal mencatatkan peningkatan sebanyak 2.2 peratus.

"Walaupun bagaimanapun, indeks bagi sektor pembuatan menurun sebanyak negatif 0.2 peratus pada Julai 2023. Bagi sektor utiliti, indeks bekalan elektrik & gas dan bekalan air masing-masing turun sebanyak negatif 0.1 peratus dan negatif 0.3 peratus," katanya.

Mengenai IHPR pengeluaran tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Mohd Uzir berkata, indeks bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya terus menurun sebanyak negatif 6.3 peratus pada Julai 2023, dengan indeks bahan bukan makanan mencatatkan negatif 8.7 peratus.

Katanya, indeks bahan perantaraan, bekalan & komponen juga mencatatkan negatif 3.3 peratus disebabkan oleh bahan api yang diproses & pelincir (-7.1 peratus) dan bahan & komponen untuk

pembuatan (-6.2 peratus).

"Sementara itu, indeks barang siap meningkat 3.4 peratus, disebabkan oleh peningkatan dalam kelengkapan modal (4.7 peratus) dan barangan pengguna siap (1.7 peratus)," katanya.

Harga global minyak mentah Brent berlegar pada purata AS\$80 satu tong bulan lalu selepas mencapai purata AS\$75 satu tong pada Jun 2023, menyumbang kepada kestabilan dalam sektor perlombongan.

Bekalan minyak mentah diunjurkan terus terhad apabila Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan ahli-ahlinya melaksanakan pengurangan pengeluaran.

Berdasarkan Taipei Times, faktor lain seperti penurunan dalam eksport minyak mentah Russia, yang lebih rendah daripada jangkaan stok.